

Judul Buku	: <i>Nahu Bahasa Melayu Abad ke-17</i>
Pengarang	: Karim Harun
Penerbit	: Dewan Bahasa dan Pustaka (2017)
Harga	: RM35.00

Bahasa merupakan wahana komunikasi yang dapat menghubungkan sesuatu kehendak kepada kehendak yang lain. Kehendak ini ibarat mesej yang hendak disampaikan melalui komunikasi antara penuturnya. Hal ini terjadi kerana bahasa mempunyai bunyi yang tersendiri yang lahir daripada pertuturan dan kata-kata. Dalam sistem komunikasi manusia, terdapat unsur nahu yang mengawal bahasa sebagai satu sistem dan mempunyai peraturannya yang tersendiri.

Nahu juga dikenal sebagai tatabahasa yang merupakan cabang dalam ilmu linguistik. Sejarah linguistik menyatakan bahawa linguistik merupakan kajian untuk memahami konsep bahasa. Ahli linguistik sering melakukan penyelidikan terhadap konsep bahasa bagi memperluas ilmu linguistik. Hasil daripada kajian ini mampu memberikan manfaat dan kebaikan kepada masyarakat sejagat. Kajian linguistik seperti kajian struktur bahasa, kajian pembentukan kata dan kajian fonetik membuktikan bahawa pengkajian bahasa sentiasa dilihat terus berkembang.

Melalui aktiviti penyelidikan bahasa, para pengkaji dibangkitkan rasa ingin tahu yang mendalam terhadap cetusan ilmu nahu. Hal ini disebabkan setiap kajian tentang bahasa akan sentiasa terhubung dengan nahu. Dalam pertuturan manusia khususnya, nahu menjadi sesuatu yang penting untuk melahirkan kata yang baik, tersusun dan jelas supaya mesej yang hendak disampaikan dapat difahami ketika komunikasi berlangsung.

Buku *Nahu Bahasa Melayu Abad ke-17* diterbitkan hasil daripada kajian pengarang dalam

usahanya memperkembang kajian linguistik Melayu terhadap perluasan ilmu bahasa. Pengarang ingin mengajak pembaca dan penyelidik bahasa supaya sama-sama menikmati pengetahuan tentang nahu yang sebenarnya merupakan kesedaran intelektual yang perlu difahami ciri dan asas pembentukannya. Hal ini dikatakan demikian kerana nahu tidak sahaja membentuk cirinya sendiri malah nahu dikesan mempunyai nilai yang tinggi untuk menzhahirkan fikiran penuturnya.

Buku ini dibahagikan kepada sembilan bab utama yang menerangkan secara lanjut tentang nahu bahasa Melayu pada abad ke-17. Bab awal buku ini memperincikan pengenalan dan sejarah dalam bidang linguistik untuk menghubungkan antara nahu dengan bidang bahasa. Perkembangan nahu bahasa Melayu dikenal pasti banyak dipengaruhi oleh nahu Eropah. Hal ini berlaku apabila terdapat banyak penulisan tentang nahu Melayu dihasilkan oleh orang Eropah.

Sejarah linguistik digali melalui metodologi tertentu. Namun, kebanyakan penyelidik tidak menemui kaedah khusus bagi kajian ini. Masing-masing mengkaji dengan menggunakan kaedah dan model yang dicipta oleh mereka sendiri. Sementara itu, penyelidik turut membincangkan model kajian sedia ada bagi mengukuhkan hujah dan kajian mereka. Antara model yang dikupas dalam buku ini termasuklah Model Aarsleff (1967, 1983), Model Koerner (1975, 1978), Model Robin (1967, 1993) dan Model Swiggers (1981, 1992).

Buku ini juga diisi dengan beberapa pendekatan yang bersifat internal dan eksternal. Pendekatan Nahu Frederick Houtman, Nahu Danckaerts dan Nahu Roman dihuraikan lanjut bagi melihat susunan kata, ejaan dan sebutan serta hal yang berkaitan dengan tatabahasa dalam usaha memahami nahu bahasa Melayu abad ke-17. Pengkajian ini dibuat dengan membanding-bandingkan beberapa pendekatan untuk mendapatkan pengesahan nahu bahasa Melayu yang paling dekat pengaruhnya pada abad tersebut. Hasilnya, terbitlah disiplin ilmu secara pragmatik yang terdiri daripada persekitaran intelektual, sosial dan agama dalam usaha menyemarakkan perkembangan ilmu linguistik. **23**

